

Tel. : 2383006
Fax : 2383244



جَبَاتِن بُوْرُو
مَكْبِتِن حَا اَلْاِحْوَالِ اَلْمَرْكَزِي

DEPARTMENT OF LABOUR
MINISTRY OF HOME AFFAIRS
BANDAR SERI BEGAWAN BB3910
BRUNEI DARUSSALAM

Rujukan Kami :

Our Reference :

PJB/7300/3

5 Rabiulakhir 1444

31 Oktober 2022

Yang Mulia,
Majikan/Pemilik/ Pengurus
**Entiti Perniagaan, Institusi Swasta,
Koperasi, Persatuan, Kelab dan
Badan-Badan Berkanun**
Negara Brunei Darussalam

Tuan/ Puan,

**Per: BANCI TAHUNAN MAJIKAN/PEKERJA, GAJI, PENDAPATAN DAN JAM BEKERJA
BAGI TAHUN 2022 - BUSINESS REPORTING SYSTEM [BRS]**

Dengan hormat sukacita memaklumkan kepada Tuan/ Puan bahawa **Banci Tahunan Majikan/Pekerja 2022** seperti lazimnya mula dilaksanakan menggunakan **BUSINESS REPORTING SYSTEM [BRS]**.

2. Penghantaran maklumat banci akan menggunakan **kaedah atas talian [online]** melalui laman jaringan: www.business.mofe.gov.bn/SitePages/OBR.aspx dengan menggunakan *username* majikan/pemilik/pengurus yang boleh diperolehi melalui pendaftaran ke *E-Darussalam*.
3. Sehubungan itu, Jabatan ini memohon kerjasama Tuan/ Puan supaya akan dapat mengemaskini maklumat-maklumat para pekerja (tempatan dan asing), di bawah tanggungan **Entiti Perniagaan, Institusi Swasta, Koperasi, Persatuan, Kelab dan Badan-Badan Berkanun** Tuan/ Puan, yang masih berkhidmat **sehingga/pada 30^{hb} Oktober 2022** dan termasuk juga maklumat Tuan/Puan sebagai majikan/pemilik/pengurus, seperti yang diperlukan di dalam *Business Reporting System*.
4. Maklumat berkaitan banci yang telah dilengkapkan **HANYA akan dapat dihantar melalui BUSINESS REPORTING SYSTEM mulai 31^{hb} Oktober 2022** dan tarikh akhir penerimaan maklumat yang berkenaan secara **ONLINE** ialah pada **30^{hb} November 2022**. Bagi yang hanya menggaji tenaga kerja yang terdiri daripada anak-anak tempatan (tiada pekerja asing) juga dikehendaki untuk melengkapkan maklumat banci ini, manakala bagi yang sudah tidak beroperasi lagi juga diperlukan mengemaskini maklumat berkaitan.

.. /2-